

**SOALAN NO. :25**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkukuhkan projek koridor ekologi di bawah "*Central Forest Spine*" dengan menjalankan kerjasama dengan semua Kerajaan negeri.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi Central Forest Spine merupakan pelan jangka panjang yang mengandungi garis panduan serta tindakan-tindakan susulan yang perlu dilaksanakan untuk memelihara, memulihara dan meningkatkan penyambungan koridor ekologi di antara keempat-empat kompleks hutan utama yang terpisah di Semenanjung. Pelan induk ini telah mengenalpasti sebanyak **37 koridor ekologi** yang perlu dibangunkan, terdiri daripada 17 Penyambungan Primer (Primary Linkages – PL) dan 20 Penyambungan Sekunder (Secondary Linkages - SL) yang melibatkan **lapan (8) buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu.**

Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi CFS telah dimandatkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan penglibatan secara bersepadu agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri di mana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi peneraju utama. Kerjasama erat dan berterusan di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi CFS.

Bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek-projek CFS dapat dilaksanakan secara berkesan, satu kerangka kerja institusi yang teratur telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan *Central Forest Spine*, Jawatankuasa Teknikal

Nasional Pelaksanaan *Central Forest Spine* dan Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan *Central Forest Spine*.

Semua negeri yang terlibat dengan CFS iaitu Negeri Johor, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di peringkat negeri masing-masing.

Kerajaan Negeri akan memantau pembangunan rangkaian ekologi dan mengawal penggunaan tanah dalam kawasan koridor ekologi CFS. Sebarang cadangan pembangunan yang baru di dalam kawasan koridor ekologi CFS perlu dibincangkan terlebih dahulu dalam Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS. Laporan daripada jawatankuasa ini akan dibawa ke perbincangan perkara-perkara teknikal Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan CFS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menyelaraskan pelaksanaan rangkaian ekologi CFS dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri di Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**SOALAN : NO. 26**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah program-program sedia ada di universiti awam dewasa ini masih praktikal dan boleh membantu graduan mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Apakah tindakan susulan Kementerian terhadap beberapa laporan media yang melaporkan antara kegagalan kebolehpasaran graduan ialah kurang kemahiran berkomunikasi dan terlalu memilih pekerjaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha menangani isu kebolehpasaran graduan dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi dan industri melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (a) Program Intervensi dan Program Pusat Kecemerlangan Industri (Industry Centre of Excellent - ICoE);
- (b) Program Keusahawanan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC);

- (c) Program CEO@Fakulti yang melibatkan tokoh-tokoh korporat yang berwibawa daripada syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan Pegawai Tinggi Perkhidmatan Awam untuk menyampaikan syarahan berkaitan perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam bidang industri masing-masing kepada pelajar-pelajar di Universiti Awam;
- (d) Pengenalan kepada sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (Integrated Cumulative Grade Point Average – iCGPA) yang pertama di dunia pada September 2015 bagi menilai kebolehan graduan bukan sahaja daripada segi peningkatan akademik malah turut menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi;
- (e) Program 2u2i yang merupakan program work based learning (belajar sambil bekerja). Program ini merupakan program pertama diperkenalkan di dunia menerusi penempatan pelajar selama 2 tahun di universiti dan 2 tahun lagi dalam industri. Program ini juga merupakan kerjasama yang dijalin antara universiti dengan pihak industri yang telah dikenal pasti;
- (f) Dalam memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan graduan, program Cambridge Accessible Tests (CATs) diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur mengguna

pakai Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) sebagai piawaian penilaian penguasaan Bahasa Inggeris, kolaborasi dengan Cambridge Malaysian Education Development Trust (CEMDT);

- (g) Pelaksanaan Program *Gap Year* yang memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dalam menjalankan pelbagai aktiviti sukarelawan. Program *Gap Year* merupakan satu tempoh di mana mahasiswa meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik bagi terlibat dalam program sukarelawan atau komuniti;
- (h) Pengenalan program pensyarah sebagai practitioner di mana menyasarkan penglibatan 50% pensyarah dari pengamal industri di Malaysian Technical University Network (MTUN) dan 30% *practitioner* selaku pensyarah IPT menjelang tahun 2023; dan
- (i) Penawaran Program Dwi Ijazah (multi-disciplinary) di Universiti Awam dapat mendedahkan pelajar kepada dua atau lebih bidang bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pelajar. Ini akan membolehkan pelajar mempunyai lebih banyak pilihan dalam kerjaya setelah menamatkan pengajian. Contohnya program dwi ijazah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu :

- i) Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) + Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian;
- ii) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) + Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian; dan
- iii) Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian + Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian;

KPT berkeyakinan melalui langkah-langkah ini, para pelajar akan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah, pengetahuan serta sikap yang sesuai untuk bekerja dan mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**SOALAN : NO. 27**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan fungsi EMGS dan kesan positif sejak penubuhannya termasuk dalam aspek pengurusan dan penawaran pendidikan kepada pelajar asing dalam aspek kualiti sahsiah dan keperluan akademik untuk mereka kembali berkhidmat dan menyumbang kepakaran kepada negara mereka.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Education Malaysia Global Services (EMGS) adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan langkah-langkah preventif dan konsisten melalui saringan permohonan visa pelajar antarabangsa sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

EMGS akan memastikan supaya setiap pemohon mematuhi semua syarat standard yang dikuatkuasakan oleh agensi kawal selia yang berkaitan. Langkah tersebut adalah sebagai satu medium kawalan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di mana pelajar antarabangsa yang tulen sahaja dibenarkan untuk menjalani pengajian mereka di Institusi Pendidikan Tinggi di negara ini.



EMGS juga berperanan dalam menentukan pengurusan dan pengoperasian permohonan visa diurus tadbir dengan cekap dan bersistematik. Pengurusan dan pengoperasian permohonan visa secara berpusat di EMGS adalah bertujuan mengumpulkan data secara menyeluruh bagi keperluan agensi yang berkepentingan. Hasil daripada data tersebut, pelbagai usaha yang strategik dan berkesan dapat direncanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penambahbaikan terhadap pengurusan pelajar antarabangsa, beberapa kemudahan telah disediakan, antaranya pelajar antarabangsa yang menjalani pengajian di Malaysia diberi pilihan untuk memperolehi pas pelajar bagi sepanjang tempoh pengajian mereka dan permohonan visa boleh dibuat secara terus melalui atas talian oleh pelajar itu sendiri.

Kerjasama yang berterusan antara EMGS dengan agensi kawal selia dan agensi penguatkuasa yang terlibat adalah penting dalam urusan pertukaran maklumat bagi menentukan keberkesanan pengurusan pelajar. Ia adalah sebagai langkah yang berterusan ke arah penambahbaikan dan penyelarasan pengurusan pelajar antarabangsa di Malaysia.